

HRMIS




eNewsletter

#KetepatanDataAspirasiKita



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

EDISI 1
JAN-MAC 2024



PROGRAM HRMIS CARE BIL. 1/2024 PERINGKAT ZON TENGAH DENGAN KERJASAMA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN (PSUK) NEGERI SELANGOR

- Program HRMIS CARE merupakan salah satu aktiviti libat urus yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM) bagi menjalin hubungan baik di antara JPA sebagai agensi di peringkat Persekutuan dengan Kementerian/Jabatan/Agensi/PSUK yang menggunakan HRMIS.
- Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi peluang kepada agensi untuk mengutarakan sebarang isu atau masalah yang dihadapi berkaitan HRMIS di agensi masing-masing serta agensi di bawah seliaan. Ia merupakan sesi *one-to-one* antara JPA dan Agensi.

EDISI TERKINI

- Program HRMIS CARE Bil. 1/2024 Peringkat Zon Tengah
- Penambahbaikan myPortfolio - Fungsi Reset (Manual)
- Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2024
- Pelaksanaan KPI HRMIS 2024
- Pelanjutan Familiarisasi MyPerformance



Maklumat Program

- Program HRMIS CARE Peringkat Zon Tengah dengan kerjasama PSUK Selangor
- 05 Mac 2024 (Selasa)
- Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor
- Seramai 174 peserta telah hadir.
- Sebanyak 40 isu berkaitan HRMIS telah dibincangkan

RESET MYPORTFOLIO

- (a) Klik fungsi dan *Reset* myPortfolio di paparan skrin menu kiri.
- (b) Paparan skrin Selenggara myPortfolio berdasarkan Aktiviti Jawatan Sebenar.
- (c) Paparan skrin Carian Unit Organisasi (Carian Hierarki).
- (d) Paparan skrin Carian Unit Organisasi (Carian Senarai Pemilik Kompetensi).
- (e) Paparan skrin Senarai Pegawai.

Penambahbaikan myPortfolio Fungsi Reset (Manual)

Fungsi *Reset* myPortfolio merupakan satu fungsi yang membenarkan Pentadbir Agensi untuk *reset* semula status myPortfolio pegawai kepada Draf bagi melaksanakan sebarang penambahbaikan atau perubahan pada myPortfolio pegawai. Fungsi ini hanya boleh dilaksanakan oleh Pentadbir Agensi kepada pegawai yang berada di agensi yang sama. Kebenaran untuk pegawai melaksanakan penambahbaikan atau perubahan pada myPortfolio yang telah diluluskan hanya boleh dilaksanakan oleh Pentadbir Agensi yang memiliki kebenaran dan akses untuk *reset* myPortfolio. Sebelum ini hanya pihak Helpdesk JPA sahaja mempunyai peranan ini. Penambahbaikan ini memudahkan pihak agensi berurusan terus dengan pegawai di agensi masing-masing.



(a)



(b)



(c)



(d)



(e)

Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2024

Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA melaksanakan Program SHARE HRMIS Tahun 2024 bagi memberi latihan dan pendedahan kepada pentadbir HRMIS agensi serta pemilik kompetensi bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman berkaitan HRMIS. Sebanyak 22 siri latihan HRMIS secara dalam talian telah dirancang sepanjang tahun 2024. Sepanjang tempoh Januari hingga Mac 2024, sebanyak 5 siri latihan telah diadakan melibatkan penyertaan seramai 2,638 peserta.



PROGRAM SHARE HRMIS



ANALISA KESELURUHAN PELAKSANAAN PROGRAM SHARE HRMIS TAHUN 2024

Dikemaskini sehingga 5 Mac 2024



Tahap Pencapaian Objektif Program



Peratusan peserta memberi penilaian ≥ 4 terhadap pencapaian objektif program

Peningkatan Purata Tahap Pemahaman




Peningkatan Tahap Pemahaman (Markah ≥ 4)



Tahap Kepuasan Terhadap Penganjuran Program Keseluruhan



Peserta memberi penilaian ≥ 4 terhadap penceramah



PROGRAM SHARE HRMIS



Pelaksanaan KPI HRMIS 2024

Pelaksanaan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS tahun 2024:

- Merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 31 Januari 2024, Pelaksanaan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS 2024 diteruskan setelah ditangguhkan pelaksanaannya untuk tahun 2023.
- KPI HRMIS 2024 ini melibatkan Perkhidmatan Awam Persekutuan/ Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.
- KPI HRMIS 2024 melibatkan 19 kriteria/ penilaian dan 109 elemen data yang perlu dipastikan berintegriti.

Pelanjutan Familiarisasi MyPerformance

Pelaksanaan fungsi MyPerformance :

- Berdasarkan surat edaran JPA bertarikh 3 November 2021, dinyatakan tempoh familiarisasi MyPerformance adalah bermula daripada 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.
- Namun merujuk kepada Surat Edaran JPA yang terkini bertarikh 19 Januari 2024, tempoh familiarisasi telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024.
- Dalam tempoh ini, penilaian prestasi tahunan dilaksanakan secara *dual system* (LNPT dan MyPerformance).
- MyPerformance akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai tahun 2025.
- Kelima-lima komponen yang terdapat dalam MyPerformance dijadikan kriteria penilaian KPI HRMIS Tahun 2024 bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP).

PELANJUTAN FAMILIARISASI MYPERFORMANCE

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan pelanjutan tempoh familiarisasi pengurusan prestasi kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kumpulan Pelaksana secara 'dual system' sehingga 31 Disember 2024.

URUS BETIA MYPERFORMANCE
E-MAIL: myperformance@jpa.gov.my